

LAPORAN KEPUTUSAN KES PENDAKWAAN

Belati Wangsa (M) Sdn Bhd (OKS) telah dituduh di Mahkamah Sesyen Ipoh, Perak bagi pertuduhan di bawah Seksyen 37(12)(a), Akta Bekalan Elektrik 1990 atas kesalahan menjalankan kerja pemasangan *guard rail* tanpa kebenaran sah daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB) di jalan bersebelahan Pencawang Pembahagian Utama (PPU) Bota 33/11kV, Jalan Ipoh-Lumut, 32600 Bota Perak. Pada 19 Mac 2025, OKS telah mengaku bersalah terhadap pertuduhan dan Mahkamah Sesyen Ipoh telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM18,000. OKS telah membayar denda tersebut.